

# Hari ini cuti umum

**KUALA LUMPUR 21 Nov. -** Esok diisytiharkan **cuti umum** berikutan kemangkatan Yang di-Pertuan **Agong**, Sultan **Salahuddin Abdul Aziz Shah** hari **ini**, kata **Perdana Menteri**, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Langkah itu **bagi** membolehkan rakyat menziarahi serta **sembahyang** jenazah Almarhum Seri **Paduka** serta mengadakan majlis-majlis tahlil, kata Dr. Mahathir semasa mengumumkan **kemangkatan** Yang di-Pertuan **Agong** menerusi radio dan televisyen hari **ini**.